

360° PELANCONGAN MAYA DI PANTAI BAGAN NAKHODA OMAR, SABAK BERNAM

360° Virtual Tourism in Bagan Nakhoda Omar Beach, Sabak Bernam

NORANIRA BINTI MAAMIN
Jabatan Pelancongan & Hospitaliti
Politeknik Sultan Idris Shah
anirazwan@gmail.com

ZUBAIDAH BINTI MOHD ESA
Kolej Komuniti Hulu Selangor
zubaidahmohdesa@gmail.com

Abstrak

10 Tahun terakhir, pertumbuhan pelancongan di Malaysia sangat stabil. Walau bagaimanapun, pada awal tahun 2020, pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi kesan besar kepada kebanyakan sektor di dunia termasuk juga sektor pelancongan. Terdapat banyak destinasi pelancongan yang harus ditutup dan tidak dapat dikunjungi oleh pelancong kerana pandemik tersebut. Bagan Nakhoda Omar (BNO) terletak di kawasan Sabak Bernam, Selangor. Pantai Bagan Nakhoda Omar, merupakan sebuah pusat rekreasi yang terletak di daerah Sabak Bernam. Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) telah menyediakan pelbagai kemudahan di Pantai ini bertujuan untuk menarik pelancong mengunjungi daerah ini. Pantai ini telah menjadi destinasi kegemaran bagi pengunjung yang menggemari keindahan pantai sebagai sebahagian dari alam semula jadi. Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk menilai keberkesanan hasil video Pelancongan Maya 360 di Pantai Bagan Nakhoda Omar. Kedua adalah untuk menilai persepsi pelancong terhadap Pelancongan Maya 360 ° di Pantai Bagan Nakhoda Omar. Video Pelancongan Maya, secara tidak langsung dapat mempromosikan Pantai Bagan Nakhoda Omar sebagai salah satu platform kunjungan pelancong di Sabak Bernam, Selangor. Video pelancongan maya, dihasilkan dengan menggunakan kamera 360 darjah iaitu GoPro Max, perkakasan dan perisian lain. Fokus Video Pelancongan Maya ini adalah untuk mendapatkan meningkatkan kedatangan pelancong serta mempromosikan Sabak Bernam. Kajian ini dijalankan melalui kaedah edaran soalan kaji selidik dalam talian iaitu dengan penggunaan platform *google form* ke atas 50 orang pengunjung di Pantai Bagan Nakhoda Omar. Penyelidik juga mengadakan lawatan ke lokasi penyelidikan bagi mendapatkan maklumat. Hasil dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan Perisian IBM SPSS Statistic Data. Kesimpulannya, video ini bermanfaat kepada pelancong untuk mendapatkan pengetahuan mengenai destinasi pelancongan di Sabak Bernam khususnya di Pantai Bagan Nakhoda Omar.

Kata kunci: Video Pelancongan Maya 360 °, Pantai Bagan Nakhoda Omar, Pelancongan Maya.

Abstract

For the last 10 years, tourism growth in Malaysia has been very stable. However, in early 2020, the worldwide Covid-19 pandemic has had a major impact on most sectors in the world including the tourism sector. There are many tourist destinations that have to be closed and cannot be visited by tourists because of the pandemic. Bagan Nakhoda Omar (BNO) is located in Sabak Bernam, Selangor. Bagan Nakhoda Omar Beach, is a recreation center located in the Sabak Bernam area. The Local Authority, namely Sabak Bernam District Council (MDSB) has provided various facilities on this beach to attract tourists to visit this district. This beach has become a favorite destination for visitors who love the beauty of the beach as part of nature. The main objective of this research was to evaluate the effectiveness of the 360 Virtual Tourism video results at Bagan Nakhoda Omar Beach. The second is to assess tourists' perceptions of 360 ° Virtual Tourism at Bagan Nakhoda Omar Beach. Virtual Tourism Video, can indirectly promote Bagan Nakhoda Omar Beach as one of the tourist visit platforms in Sabak Bernam, Selangor. Virtual travel videos, produced using a 360 -degree camera namely GoPro Max, other hardware and software. The focus of this Virtual Tourism Video is to increase tourist arrivals as well as promote Sabak Bernam. This study was conducted through the method of distributing online survey questions with the use of google form platform on 50 visitors at Pantai Bagan Nakhoda Omar. Researchers also visited research locations to obtain information. The results of the study were analyzed using IBM SPSS Statistical Data Software. In conclusion, this video is beneficial for tourists to gain knowledge about tourist destinations in Sabak Bernam, especially in Bagan Nakhoda Omar Beach.

Keywords: 360 ° Virtual Tourism Video, Nakhoda Omar Beach Chart, Virtual Tourism.

1.0 PENGENALAN

10 Tahun terakhir, pertumbuhan pelancongan di Malaysia sangat stabil. Walau bagaimanapun, pada awal tahun 2020, pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi kesan besar kepada kebanyakan sektor di dunia termasuk juga sektor pelancongan. Terdapat banyak destinasi pelancongan yang harus ditutup dan tidak dapat dikunjungi oleh pelancong kerana pandemik tersebut. Menurut statistik pada tahun (2019) yang diterbitkan oleh R. Hirschman, penduduk Selangor berjumlah sekitar 6.53 juta. Berdasarkan statistik mendapati, Selangor merupakan sebuah negeri paling ramai penduduk di Malaysia, serta negeri yang mempunyai ekonomi terbesar dari segi keluaran dalam negara secara kasar. Selain itu, pertumbuhan ekonomi terbesar adalah dipelopori oleh negeri Selangor bagi setiap industrinya terutama bagi industri pelancongan kerana setiap daerah di Selangor mengembangkan produk dan destinasi pelancongan yang mahal nilainya.

1.1 Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam

Bagan Nakhoda Omar adalah salah satu destinasi popular di Selangor. Selain itu, Pantai Bagan Nakhoda Omar (BNO) mempunyai tarikan alam seperti pohon bakau dan pantai yang mempunyai banyak sumber bahan mentah seperti ikan, udang, kerang dan 'mentarang'. Pada tahun 2014, sebanyak 3 projek dilaksanakan dengan kerjasama JIRCAS, Selangor adalah salah satu negeri utama untuk meningkatkan budaya kerang darah (*Anadara granosa*) di Malaysia. Daerah Sabak merupakan satu kawasan jatuhan kerang semula jadi yang terbesar di negara ini. Secara tidak langsung, pengeluaran kerang di kawasan ini sangat tinggi dan kerang di eksport

serta digunakan untuk keperluan domestik. Pihak Berkuasa Tempatan daerah Sabak telah menyediakan pelbagai kemudahan seperti ruang solat, tandas awam, tempat letak kereta, mercu tanda BNO dan tempat makan. Oleh kerana BNO terkenal dengan pengeluaran sumber daya mentah seperti udang, hidangan istimewa yang disebut 'mee udang banjir' menjadi tarikan terkenal di Pantai Bagan Nakhoda Omar.

1.2 Pelancongan Maya

Oleh itu, untuk menarik lebih banyak lawatan pelancong BNO, idea untuk mempromosikan BNO ialah melalui 360 Pelancongan Maya di Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam Selangor. Realiti maya (VR) dapat didefinisikan sebagai persekitaran digital tiga dimensi multisensori, mendalam, dan interaktif yang telah mencetuskan imaginasi awam sebagai teknologi masa depan yang akan menguasai pekerjaan, pendidikan, dan masa lapang kita. Sebaliknya, lawatan maya yang mempunyai maya elemen realiti adalah pelayaran lanskap maya yang wujud di dunia nyata. Lawatan maya dapat dijelaskan sebagai simulasi lokasi yang ada yang terdiri daripada urutan gambar video. Di samping itu, ia dapat dikembangkan dari media atau panorama berasaskan fotografi yang mempunyai pandangan yang tidak putus.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Situasi pandemik COVID-19 yang menular di seluruh dunia dan belum pernah terjadi sebelumnya menimbulkan cabaran ekstrem bagi pelbagai industri di dunia terutamanya industri pelancongan. Seluruh negara di seantero dunia telah mengalami pandemik ini, dan salah satu tempat yang turut juga terjejas adalah di Sabak Bernam, Selangor. Pantai Bagan Nakhoda Omar adalah salah satu destinasi pelancongan yang menarik di daerah Sabak Bernam, Selangor. Menurut Tan Sri Muhyiddin Yassin melalui sidang akhbar BH online pada 13 Mac 2020, menjelaskan anggaran kerugian keseluruhan dalam sektor pelancongan mulai Januari hingga Februari 2020 adalah sebanyak RM3.37 billion akibat penularan coronavirus (COVID-19). Perdana Menteri mengarahkan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan merangka pendekatan sesuai bagi menghidupkan semula industri pelancongan yang terjejas berikutan penularan COVID-19. Bagi meningkatkan semula industri pelancongan di Malaysia, maka telah mencetuskan idea Pelancongan Maya bagi membolehkan pelancongan yang tidak dapat melancong berkongsi pengalaman melancong melalui aplikasi pelancongan maya.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penghasilan video Pelancongan Maya 360° di Pantai Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam, Selangor. Pengunjung Pantai Bagan Nakhoda Omar telah diambil sebagai sampel kajian. Objektif kajian ini adalah untuk menilai;

- (i) Keberkesanan penghasilan video pelancongan Maya 360 °
- (ii) Persepsi pengunjung terhadap Pelancongan Maya 360 ° di Pantai Bagan Nakhoda Omar

Bagi mengukur keberkesanan penghasilan video Pelancongan Maya 360 ° dan persepsi pengunjung terhadap Pelancongan Maya 360 ° di Pantai Bagan Nakhoda Omar, borang-soal selidik telah dibangunkan sebagai instrumen kajian. Ianya mengandungi beberapa soalan penilaian dan setiap item dalam borang pula menggunakan skala Likert 1-5 (1 sangat tidak

setuju – 5 sangat setuju). Soal selidik yang dibangunkan merangkumi dua bahagian utama tersebut.

Borang soal-selidik telah dihantar kepada pengunjung di Pantai Bagan Nakhoda Omar menggunakan Aplikasi *Google Form* yang boleh dicapai secara dalam talian. Seramai 50 responden telah memberikan maklum balas dan digunakan untuk analisis kajian ini. Dapatan hasil kajian telah menggunakan perisian IBM SPSS Statistic Data.

4.0 ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Dalam analisis data ini, terdapat 3 bahagian soalan kaji selidik untuk penyelidikan ini. Di bahagian A soalan berkenaan demografi responden. Bahagian B berkenaan keberkesanan penghasilan Video Pelancongan Maya 360 ° dan di bahagian C adalah soalan berkaitan persepsi pengunjung terhadap Pelancongan Maya 360 ° di Pantai Bagan Nakhoda Omar.

Seramai 50 orang responden telah menjawab soalan kaji selidik berkenaan Video Pelancongan Maya yang dihasilkan melalui platform dalam talian iaitu *google form*. Berdasarkan maklumat demografi responden, iaitu seramai 30 orang adalah perempuan dan 20 orang lelaki dalam lingkungan berumur antara 15 - 50 tahun.

Keberkesanan hasil video Pelancongan Maya 360° dikalangan pengunjung di Pantai Bagan Nakhoda Omar telah diukur menggunakan soal selidik kajian yang dilakukan dalam talian telah diperolehi. Berikut merupakan hasil dapatan kajian yang diedarkan. Data-data yang diperolehi dari kaji-selidik telah dianalisa dan interpretasi skor min dapatan analisa ditafsir berdasarkan Jadual 1. Jadual ini menerangkan secara keseluruhan corak data yang diperolehi daripada kaji-selidik yang telah dilakukan dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistic Data.

Skala Likert telah digunakan untuk mengukur data. Skala 1 menunjukkan sangat tidak setuju, skala 2 menunjukkan tidak setuju, skala 3 menunjukkan tiada pendapat, skala 4 menunjukkan setuju dan skala 5 menunjukkan sangat setuju.

4.1 Keberkesanan Penghasilan Video dan Persepsi pengunjung terhadap Pelancongan Maya 360 ° di Pantai Bagan Nakhoda Omar

Jadual 1 menunjukkan skor min item 1 berkaitan Keberkesanan Penghasilan Video Pelancongan Maya 360° bagi pengunjung di Pantai Bagan Nakhoda Omar. Berdasarkan jadual di bawah, secara keseluruhannya menunjukkan skor min tinggi bagi item 1 adalah diantara 4.34 - 4.70. Justeru itu, membuktikan bahawa keberkesanan penghasilan video pelancongan maya bagi Pantai Bagan Nakhoda Omar. Skor min bagi item 2 adalah diantara 4.57 – 4.72. Ini dapat dibuktikan bahawa video Pelancongan Maya 360 ° di Pantai Bagan Nakhoda Omar dapat memberi persepsi yang memberangsangkan kepada pengunjung pantai tersebut. Namun melalui dapatan kajian, kenyataan video yang jelas dan padat maklumat adalah sedikit rendah berbanding item yang lain iaitu dengan skor min 4.34.

Jadual 1: Keberkesanan Penghasilan Video dan Persepsi mengenai Pelancongan Maya 360 ° di Pantai Bagan Nakhoda Omar

No.	Item 1 : Keberkesanan Penghasilan Video Pelancongan Maya 360 °	Min pengunjung
1.	Video yang jelas dan padat dengan maklumat	4.34
2.	Jalan cerita yang mudah difahami dan menarik untuk ditonton	4.60
3.	Video mempunyai dapatan maklumat yang terkini	4.38
4.	Kecenderungan pengunjung untuk menonton video berulang kali	4.70
5.	Durasi video dan hasil pengambaran yang menarik	4.70

No.	Item 2: Persepsi pengunjung terhadap Pelancongan Maya 360 ° di Pantai Bagan Nakhoda Omar	
6.	Pengunjung teruja serta memberi pengalaman baharu yang unik	4.66
7.	Pelancongan Maya dapat menjimatkan masa dan kos pembelanjaan	4.72
8.	Mendapat sambutan yang hebat terutama ke atas destinasi	4.64
9.	Perlu dipromosikan agar pengunjung tahu berkenaan destinasi	4.68
10.	Merupakan norma baharu dalam pelancongan	4.57

5.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, penyelidikan ini bertujuan untuk menghasilkan Video Pelancongan Maya 360° untuk Pantai Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam. Video ini merupakan salah satu medium bagi meningkatkan lagi industri pelancongan di Malaysia terutamanya di dalam situasi pandemik Covid – 19 yang melanda seluruh dunia. Penghasilan Video Pelancongan Maya 360° di Pantai Bagan Nakhoda Omar secara tidak langsung dapat memberikan idea untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) bagi mempromosikan tempat menarik yang terdapat di daerah Sabak Bernam sebagai salah satu destinasi pelancongan khasnya di Selangor serta dapat mendorong pelancong luar dan dalam negara untuk melancong ke Pantai Bagan Nakhoda Omar setelah pandemik Covid -19 ini berakhir.

RUJUKAN

Adeyinka-Ojo, S. F., Khoo-Lattimore, C., & Nair, V. (2014). A framework for rural tourism destination management and marketing organisations. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 144(144), 151-163.

- Amir A F, Ghapar AA, Jamal SA and Ahmad, KN (2015). Sustainable tourism development: A study on community resilience for rural tourism in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 168
- Azhar, M. M., Maulud, K. N. A., Selamat, S. N., Khan, M. F., Jaafar, O., Jaafar, W. S. W. M., & Juahir, H. (2018). Impact of Shoreline Changes to the Coastal Development. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(3.14), 191-195.
- BH online (13 Mac 2020), RM3.37 bilion kerugian sektor pelancongan akibat COVID-19
- Boes, K., Buhalis, D. and Inversini, A. (2015). Conceptualising Smart Tourism Destination Dimensions. in *Information and Communication Technologies in Tourism 2015 Springer*, 391-403.
- Fransen, M. L., P. W. Verlegh, A. Kirmani, and E. G. Smit. (2015). “A Typology of Consumer Strategies for Resisting Advertising, and a Review of Mechanisms for Countering them.” *International Journal of Advertising*, 34(1): 6-16.
- Fyall, A. (2011). Destination management: challenges and opportunities. Destination marketing and management: Theories and applications. *Wallingford, UK: CAB International*. pp. 340-357
- Greaves, N. & Skinner, H. (2010). The importance of destination image analysis to UK rural tourism. *Marketing Intelligence and Planning*, 28(4), 486-507
- Ibrahim, I., Zakariya, K., & Wahab, N. A. (2018, February). Satellite Image Analysis along the Kuala Selangor to Sabak Bernam Rural Tourism Routes. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* (Vol. 117, No. 1, pp. 1-7).
- Ivars-Baidal, J. A., Celdrán-Bernabeu, M. A., Mazón, J. N., & Perles-Ivars, Á. F. (2019). Smart destinations and the evolution of ICTs: a new scenario for destination management. *Current Issues in Tourism*, 22(13), 1581-1600.
- Jung, T., tom Dieck, M.C., Lee, H. and Chung, N. (2016), Effects of Virtual Reality and Augmented Reality on Visitor Experiences in Museum, *Information and Communication Technologies in Tourism*, Springer, Heidelberg, pp. 621-635
- Neuhof B, Buhalis D. (2012) Understanding and managing technologyenabled enhanced tourist experiences. In: *The 2nd Advances in Hospitality and Tourism Marketing & Management, June, Corfu*.
- Pike, S., & Mason, Russell, R. (2011). Destination competitiveness through the lens of brand positioning: the case of Australia’s Sunshine Coast. *Current Issues in Tourism*, 14(2), 169-182.
- Rosley MSF, Lamit H and Rahman SRA (2013) Perceiving the Aesthetic Value of the Rural Landscape Through Valid Indicators. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 85 318
- Sabri, N. A., & Singh, H. R. (2018). Distribution and Abundance of the Onchidiidae of the Coastal Mangroves of Selangor, Peninsular Malaysia. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(4.14), 67-71.
- Sheehan, L., Vargas- Sánchez, A., Presenza, A., & Abbate, T. (2016). The use of intelligence in tourism destination management: An emerging role for DMOs. *International Journal of Tourism Research*, 18(6), 549-557.
- Yu Chih Huang. Article Exploring the Implications of Virtual Reality Technology in Tourism Marketing: *An Integrated Research Framework*